

Perbandingan antara Peribahasa Melayu dan Peribahasa Cina Mengikut Pengalaman Bangsa di Tanah Melayu

Mohamad Azmi Nias Ahmad^{1*}, Mohd Aripin Amat², Azizi Hashim³,
Ahmad Mazlan Ahmad Shamshudin⁴

^{1,2,3,4} Faculty of Accountancy and Law, Universiti Teknologi MARA Cawangan Pahang,
Kampus Jengka, 26400 Bandar Tun Razak Jengka, Pahang, Malaysia
azminias@gmail.com, aripin@pahang.uitm.edu.my
azizih@pahang.uitm.edu.my, amas@pahang.uitm.edu.my

*Penulis Rujukan

Abstrak: Melalui kajian sejarah, kehebatan bangsa Melayu itu telah dilenyapkan bagi membunuh jati diri bangsa ini untuk tidak bangun menentang golongan berkepentingan sewaktu era penjajahan Nusantara bermula dengan kemasukan Portugis pada tahun 1511. Antara usaha golongan orientalis barat ialah dengan menidakkan hasil sastra orang Melayu. Hasil sastra sesuatu bangsa itu adalah kayu ukur kemajuan dan pemikiran bangsa itu sendiri. Oleh kerana itu pentadbir-pentadbir Tanah Melayu berusaha keras mencari dan menghimpunkan peribahasa Melayu yang melemahkan bagi memudahkan mereka menjajah pemikiran orang Melayu (Rahman, 1971). Kertas kerja ini membincangkan beberapa peribahasa Melayu yang berkaitan dengan nasib, kekayaan, usaha, kehidupan dunia dan berdikari. Peribahasa-peribahasa ini dibandingkan dengan peribahasa bangsa Cina dan terdapat jurang yang besar dari segi persepsi dan tahap pemikiran terhadap perkara yang berkaitan. Perbandingan ini adalah bertujuan untuk memahami perbezaan di antara peribahasa dua bangsa yang berbeza ini.

Kata Kunci: Cina, Melayu, Peribahasa

1. Pengenalan

Peribahasa sejak kebelakangan ini sudah semakin kurang kedengaran di corong-corong radio dan jarang sekali digunapakai dalam perbualan masyarakat Malaysia. Sesetengah generasi muda menganggap penggunaan peribahasa adalah bersifat formal dan lebih malang lagi ada yang beranggapan peribahasa hanya digunakan oleh golongan tua sahaja.

Melalui peribahasa, pepatah, bidalan dan perumpamaan, identiti (Rahman, 1971) dan kehidupan (Hamilton A.W., 1947) sesuatu masyarakat dapat difahami dengan lebih mendalam. Menurut Hamzah (2011), peribahasa secara khususnya dapat menzahirkan dengan jelas kehidupan dan pemikiran sesuatu bangsa, terutamanya bangsa Melayu, kerana penghasilan sesuatu peribahasa ada kaitan dengan istiadat Melayu lama. Za'ba pula telah memperincikan maksud peribahasa seperti berikut:

"... segala susunan cakap yang pendek yang telah melekat di mulut orang ramai sejak beberapa lama oleh sebab sedap dan bijak perkataannya, luas dan benar tujuannya, dipakai akan dia jadi sebutan-sebutan oleh orang sebagai bandingan, teladan dan pengajaran". (Za'ba, 1965, p. 165)

Seorang pakar sejarah zaman Kolonial British, Winstedt (1950), menyatakan bahawa, sesuatu peribahasa itu mempunyai persamaan tidak kira bangsa dan agama yang dianuti. Pandangan beliau sebenarnya adalah antara usaha pihak penjajah untuk menidakkan keaslian peribahasa Melayu. Ini dibuktikan dengan beberapa usaha beliau mengumpul beberapa peribahasa bangsa lain dan dibandingkan dengan peribahasa Melayu (Rahman, 1971). Antaranya, beliau mengatakan peribahasa "Menanti hingga kucing bertanduk" adalah saduran peribahasa Sanskrit "Menanti arnab bertanduk".

Pentadbir Tanah Melayu seperti Stamford Raffles, F. Swettenham, W.G. Maxwell dan Hugh Clifford berusaha untuk memahami budaya dan pemikiran masyarakat melalui pelbagai cara bagi memudahkan mereka menguasai pemikiran bangsa yang mereka jajah. Antara cara mereka adalah memahami cara orang Melayu berfikir melalui kajian sastera Melayu dan peribahasa (Rahman, 1971).

Kajian ini menggunakan sumber daripada buku “Revolusi Mental” karya Senu Abdul Rahman bagi mendapatkan peribahasa-peribahasa Melayu yang popular tetapi bersifat negatif dan dibandingkan dengan peribahasa-peribahasa lama Cina untuk membezakan jurang pemikiran dua kaum terbesar di Tanah Melayu ketika itu. Seterusnya, penulis akan memberi contoh peribahasa Melayu lama yang maknanya hampir sama dengan peribahasa Cina tersebut tetapi kurang digunakan oleh masyarakat kini.

2. Kepentingan Kajian

Kajian ini penting untuk membuktikan bahawa tiada perbezaan ketara di antara peribahasa Melayu dengan peribahasa Cina seperti yang difahami oleh masyarakat kita sejak zaman-berzaman. Peribahasa dihasilkan daripada pemerhatian terhadap budaya dan tingkahlaku masyarakat ketika itu melalui bahasa yang diolah secara menarik dan indah. Melalui bahasa yang diolah menjadi peribahasa ini, dapatlah masyarakat itu memberi pesan dalam memupuk budaya, nilai dan norma secara lebih berkesan (Deraman, 2007).

3. Kaedah Kajian

Kajian ini merupakan kajian kepustakaan dengan merujuk jurnal-jurnal dan buku-buku ilmiah yang berkaitan. Sumber utama peribahasa Melayu adalah daripada buku “Revolusi Mental” oleh Senu Abdul Rahman (1971).

Hipotesis Sapir-Whorf (1921) digunakan bagi menerangkan maksud peribahasa Melayu dan Cina kerana berdasarkan hipotesis ini, maksud dan pemikiran penutur dapat dikenalpasti melalui bahasa yang digunakan. Kaedah perbandingan ini diberi nama kualitatif-fenomenologis (Hamzah, 2011).

Kaedah ini dapat menerangkan hubungkait di antara bahasa, budaya dan pemikiran manusia melalui bahasa yang dituturkan dengan mengkaji struktur dan maksud peribahasa yang dikaji. Setelah maksud peribahasa itu difahami, kajian ini dapat mengkaji tahap persamaan atau perbezaan di antara pemikiran orang Melayu dan Cina. Kajian ini dibataskan kepada peribahasa Melayu dan peribahasa Cina dari aspek nasib, kekayaan, usaha, kehidupan dunia dan masa sahaja.

4. Hasil Kajian

4.1 Peribahasa mengenai nasib

Jadual 1. Perbandingan peribahasa Melayu dan Cina berkaitan nasib

Peribahasa Melayu	Peribahasa Cina
Rezeki secupak tidak boleh menjadi segantang.	Segala-galanya ditetapkan oleh nasib, tidak sedikit pun bergantung kepada manusia.
Malang tidak boleh ditolak, mujur tidak boleh diraih.	Penyakit boleh diubat, nasib tidak.

Secubit tidak dapat menjadi segenggam.

Kalau telah di tetapkan kita bernasib baik, ia akan datang. Kalau tidak, usahlah berusaha mencarinya.

Daripada tiga peribahasa di atas, jelas menunjukkan bahawa pemikiran bangsa Melayu dan Cina terhadap nasib ada sedikit persamaan. Persamaan yang nyata adalah sikap berserah kepada nasib dan tiada faktor lain yang boleh mengubah nasib kerana seolah-olah nasib itu telah ditentukan. Peribahasa ini jelas menunjukkan keadaan susah yang melanda bangsa Melayu dan Cina ketika itu. Ini dijelaskan melalui Hipotesis Sapir-Whorf (1921) yang menyatakan bahasa dan budaya setempat dipengaruhi oleh realiti semasa.

Walau bagaimanapun, terdapat peribahasa Melayu yang diadaptasi daripada Islam seperti “bekerjalah seperti kita hidup seribu tahun dan beramallah seolah-olah kita mati esok hari” dan peribahasa Cina “kekayaan dan kehormatan adalah semuanya hasil kerajinan dan jimat. Kemiskinan adalah semuanya disebabkan berat tangan” yang dilihat lebih positif dan menggalakkan masyarakat lebih berusaha ke arah mengubah nasib menjadi lebih maju dan berjaya.

4.2 Peribahasa berkaitan kekayaan

Jadual 2. Perbandingan peribahasa Melayu dan Cina berkaitan kekayaan

Peribahasa Melayu	Peribahasa Cina
Harta tidak boleh dibawa mati.	Lebih baik mati 10 tahun terdahulu daripada hidup miskin semasa itu.
Kain putih sahaja yang dibawa ke kuburnya.	Mempunyai wang ialah seperti menambah 30 tahun kemegahan.

Daripada peribahasa di atas, peribahasa Melayu dilihat lebih bersederhana dalam memandang kekayaan dunia manakala peribahasa Cina lebih positif dan terdapat terlalu banyak peribahasa Cina yang senada seperti contoh di atas. Ini jelas menunjukkan jurang pemikiran besar antara kedua-dua bangsa ini sewaktu pra-merdeka yang mana, orang Melayu dilihat seperti selesa dan bersyukur dengan rezeki yang ada manakala orang Cina adalah sebaliknya. Menurut hipotesis Sapir-Whorf (1921), bahasa ditentukan oleh cara penutur itu berfikir. Orang Melayu pada zaman ini dilihat memperlekeh kekayaan manakala orang Cina menganggap kekayaan itu sebagai elemen penting dalam kehidupan. Peribahasa seperti menjadi keutamaan untuk diketengahkan untuk dikaji oleh penjajah yang mengamalkan dasar pecah dan perintah. Walau bagaimanapun, menurut Rahman (1971), terdapat beberapa peribahasa Melayu lama yang bersifat lebih positif dan jarang didendangkan seperti “kalau tak berpadi, sebarang kerja tak jadi” dan “kalau tidak berwang, kemana pergi terbang”.

Sifat bersederhana orang Melayu sebenarnya tidak sepatutnya menjadikan mereka lemah dan miskin. Orang Melayu adalah bangsa yang berjaya seawal kurun ke-4 (Srikandi & Rusydi, 2015). Ini dibuktikan dengan rekod perhubungan antarabangsa kerajaan Melayu dengan negara China dan pedagang Timur Tengah. Sewaktu itu, orang Melayu terkenal sebagai pedagang dan pelaut yang hebat. Kejatuhan kerajaan Melayu lama seperti Chih-Tu, Pan Pan, Langkasuka, Kedah Tua, Srivijaya, Tambralinga dan penjajahan Nusantara selepas kejatuhan Melaka pada tahun 1511 oleh penjajah Eropah telah mengubah perilaku orang Melayu.

4.3 Peribahasa berkaitan usaha

Jadual 3. Perbandingan peribahasa Melayu dan Cina berkaitan usaha

Peribahasa Melayu	Peribahasa Cina
Ulat dalam batu pun ada rezekinya.	Kemalasan masa muda bermakna kesusahan masa tua.
Hangat-hangat tahi ayam.	Dengan kerajinan tiada apa yang mustahil.

Peribahasa-peribahasa di atas membuktikan bahawa pemikiran bangsa Melayu dan Cina terhadap usaha mempunyai persamaan. Persamaan yang nyata adalah sikap perlu berusaha untuk mengubah nasib. Kritikan atau sindiran dengan ungkapan “hangat-hangat tahi ayam” jelas menunjukkan bagaimana peribahasa dapat membentuk peribadi manusia untuk menjadi lebih baik pada masa akan datang. Hipotesis Sapir-Whorf (1921) jelas menunjukkan bahawa penggunaan bahasa dalam melahirkan peribahasa ini dipengaruhi oleh situasi ataupun cabaran semasa yang dihadapi oleh sesuatu masyarakat itu.

4.4 Peribahasa berkaitan kehidupan dunia

Jadual 4. Perbandingan peribahasa Melayu dan Cina berkaitan kehidupan dunia

Peribahasa Melayu	Peribahasa Cina
Hidup ini mimpi sahaja.	Kehidupan manusia sebagai mimpi di musim bunga. Bila nyawa pergi, habislah semua perkara.

Pemikiran bangsa Melayu dan Cina terhadap kehidupan dunia mempunyai persamaan yang amat ketara daripada peribahasa di dalam Jadual 4 ini. Peribahasa ini secara tersirat menganjurkan masyarakat supaya berkelakuan baik dan berbuat baik sejajar dengan ajaran agama masing-masing dan tidak menjadikan kehidupan dunia sebagai matlamat utama. Peribahasa ini membenarkan Hipotesis Sapir-Whorf (1921) yang membuktikan pola pemikiran masyarakat setempat dipengaruhi oleh norma-norma jarak bahasa itu.

4.5 Peribahasa berkaitan masa

Jadual 5. Perbandingan peribahasa Melayu dan Cina berkaitan masa

Peribahasa Melayu	Peribahasa Cina
Janji Melayu. (iaitu selalu lambat.)	Satu inci masa sama harga dengan satu inci emas. Tetapi satu inci emas tidak boleh membeli satu inci masa.

Djamanis (1985) menyatakan bahawa “...peribahasa dapat melambangkan watak dan sifat sesuatu bangsa”. Ini disokong oleh Lavandera B. (1988) yang mengatakan bahawa bahasa adalah cermin sesuatu masyarakat. Peribahasa di atas membuktikan bahawa bangsa Melayu sukar mengotakan janji dan selalu tidak menepati masa. Peribahasa ini adalah kritikan pedas

sebagai sindiran dan peringatan. Peribahasa Cina menyamakan nilai masa dengan emas sebagai perbandingan nilai emas dan kepentingan untuk menghargai masa. Pandangan hipotesis Sapir-Whorf bahawa bahasa bukan sahaja mencorak kebudayaan sesuatu bangsa tetapi ia berpontensi untuk mencorak pemikiran penuturnya terbukti benar di dalam situasi yang dibincangkan di atas.

5. Kesimpulan

Dalam konteks negara kita Malaysia yang berbilang kaum, persamaan dalam makna peribahasa ini dapat memberi input yang positif terhadap keyakinan individu terhadap peri pentingnya usaha dan bekerja keras supaya nasib seseorang itu tidak hanya diserahkan kepada nasib semata-mata. Kajian ini boleh membuka jalan kepada kajian-kajian pada masa akan datang untuk meneruskan usaha mengumpul seberapa banyak peribahasa Melayu yang sudah semakin pupus ditelan masa. Khazanah ini perlu dipelihara kerana ianya adalah warisan seni budaya dan kesusasteraan yang tidak ternilai harganya.

Hasil kajian jelas menunjukkan tiada perbezaan ketara di antara peribahasa Melayu dengan peribahasa Cina seperti yang difahami oleh masyarakat kita sejak zaman-berzaman. Ini membuktikan bahawa kedua-dua kaum ini mempunyai nilai-nilai murni dan norma-norma kemasyarakatan yang positif dalam melihat sesuatu perkara dengan menggunakan bahasa sebagai alat untuk merubah, mengkritik dan mencorak masyarakat setempat ataupun mendidik generasi akan datang.

Kajian ini mempunyai beberapa limitasi yang perlu diambil perhatian oleh bakal penyelidik. Pertama, hanya satu sumber rujukan sahaja digunakan iaitu buku "Revolusi Mental". Oleh yang demikian, peribahasa yang tidak terdapat di dalam buku ini tidak diambil kira. Kedua, kajian ini dibataskan kepada peribahasa Melayu dan peribahasa Cina dari aspek nasib, kekayaan, usaha, kehidupan dunia dan masa sahaja.

Kesemua pandangan dan pendapat daripada hasil kajian ini tidak dapat disokong oleh fakta saintifik. Oleh yang demikian, ia membuka peluang kepada penyelidik untuk melakukan penyelidikan lanjutan. Peribahasa dilahirkan secara lisan dan dikembangkan secara lisan. Menurut Haney (2012):

Peribahasa yang pada mulanya diperturunkan secara lisan dan diperkembangkan secara lisan juga seharusnya diusahakan supaya ianya dapat dikekalkan. Agar keindahan penggunaannya dalam bahasa Melayu tidak hilang ditelan zaman sebaliknya menjadi warisan bangsa yang 'tak lapuk dek hujan dan tak lekang dek panas'.

6. Rujukan

- Deraman, A. (2007). *Pengukuhan Bahasa Dan Pemikiran Melayu Serantau*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Djamanis, E. (1985). Memahami dan menghargai peribahasa. *Dewan Bahasa*, 29(5), 338-344.
- Hamilton A.W. (1947). *Malay proverbs*. Singapore: Eastern Universiti Press Ltd.
- Hamzah, Z. A. Z. (2011). Bahasa dan pemikiran dalam peribahasa Melayu. *Journal of Language Studies*, 11(3), 31-51.
- Haney, Z. (2012). Kajian hubungan pelbagai situasi dalam peribahasa Melayu. 2012.
- Lavandera B. (1988). The social pragmatics of politeness forms. In U. Ammon and N. Dittmar (Eds.). *Sociolinguistics: An international handbook of the science of language and society*, 1, 1196-1205.
- Rahman, S. A. (1971). *Revolusi Mental*. Kuala Lumpur: Penerbitan Utusan Melayu.
- Sapir, E. (1921). *Language: An Introduction To The Study of Speech*. London: Harcourt Brace Jovanovich Publishers.

- Srikandi, A.-S., & Rusydi, I. (2015). *Membongkar rahsia dunia Melayu*. Petaling Jaya: Hijjaz Record Publishing.
- Winstedt, R. O. (1950). *Malay proverb*. London: John Murray.
- Za'ba. (1965). *Ilmu Mengarang Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.